

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD [ MERSING ]**
- TARIKH** : **6 APRIL 2015 (ISNIN)**
- SOALAN** : **Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan dana nelayan merupakan Tabung Pinjaman Mudah khusus untuk nelayan pantai bagi meningkatkan pendapatan dan produktiviti tangkapan:**
- (a) adakah dana berkenaan akan diperluaskan kepada nelayan darat; dan
  - (b) sejauh manakah dana berkenaan telah memberi impak kepada hasil tangkapan ikan para nelayan

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah memperkenalkan Tabung Pinjaman Mudah (Dana Nelayan) pada tahun 2005 khusus untuk nelayan pantai bagi meningkatkan pendapatan dan produktiviti tangkapan. Setakat ini, Tabung Pinjaman Mudah (Dana Nelayan) belum diperluaskan kepada nelayan darat kerana kekangan peruntukan.

Daripada tahun 2005 sehingga bulan Januari 2015, seramai 2,867 orang nelayan dengan keseluruhan pinjaman sebanyak RM52,914,692 telah diluluskan bagi menerima Tabung Pinjaman Mudah (Dana Nelayan). LKIM juga sedang melaksanakan Kajian Impak Projek Pembangunan Masyarakat Nelayan bagi mengukur tahap kesejahteraan sosial nelayan dan impak beberapa program yang telah dilaksanakan kepada nelayan termasuk impak pemberian dana pinjaman kepada pengusaha dan nelayan.

**SOALAN ( 24 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 6 APRIL 2015**  
**[ ISNIN ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG**  
**[ BAGAN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah permohonan lesen Developer License and Advertising Permit oleh pemaju daripada Pulau Pinang, jumlah yang diluluskan dan tempoh permohonan yang belum diluluskan. Apakah respons terhadap aduan oleh REHDA bahawa hanya Pulau Pinang menghadapi masalah kelewatan yang disengajakan yang tidak dihadapi oleh negeri-negeri lain.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan *Developer License and Advertising Permit* (DLAP) baharu bagi pemajuan di Pulau Pinang dari bulan Ogos 2014 hingga Februari 2015 adalah sebanyak 48 permohonan.

Jumlah DLAP yang masih dalam tindakan/semakan/pertimbangan kelulusan adalah sebanyak 30 permohonan dan jumlah DLAP yang telah diluluskan dalam tempoh tersebut adalah sebanyak 18 permohonan.

Sebenarnya sebelum sesuatu lesen dan permit jualan dipohon, **semua pemaju** harus memenuhi **3 kriteria utama** iaitu:-

- (1) Semua urusan tanah telah selesai seperti penukaran syarat tanah dan bayaran premium;
- (2) Kelulusan Kebenaran Merancang; dan
- (3) Kelulusan Pelan Bangunan.

Selepas mendapatkan ketiga-tiga kelulusan ini, barulah pemaju boleh membuat permohonan secara online dengan memenuhi senarai semak seperti berikut:-

- (1) Geran/hakmilik tanah/surat Pemberimilikan Tanah;
- (2) Surat kelulusan Kebenaran Merancang/Perintah Pembangunan daripada PBT;
- (3) Pelan pra-hitungan yang telah diluluskan;
- (4) Sijil Akuan Ukur daripada Lembaga Juru Ukur Tanah;
- (5) Akuan Berkanun (Borang L2C) – potong salah satu pernyataan di para g;
- (6) Perjanjian usahama antara pemaju dan tuan tanah (jika tanah bukan milik pemaju) yang mengandungi klausa pematuhan terhadap Peraturan 5(5)(a), 10 dan 11, Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan & Pelesenan) 1989, ATAU Borang 14A KTN yang telah dibayar duti setem dan cukai taksirannya sebagai bukti bahawa pindahmilik tanah sedang diproses;
- (7) Laporan daripada CCRIS/CTOS

- (8) Salinan surat kelulusan pelan bangunan yang diluluskan daripada PBT;
- (9) Salinan Notis Mula Kerja (Borang B) bagi pelan bangunan yang telah tamat tempoh;
- (10) Tiga (3) salinan draf iklan bagi Brosur dan cadangan iklan-iklan lain. Brosur dalam BM adalah dimestikan;
- (11) Senarai harga jualan bagi semua unit urmah mengikut jenis rumah; dan
- (12) Surat kelulusan/penetapan harga jualan Rumah Kos Rendah daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Permohonan ini juga melalui tapisan samada pemaju/Ahli Lembaga Pemaju ada dalam senarai hitam atau tidak iaitu dari segi penglibatan dalam projek-projek perumahan terbengkalai dan bermasalah, mengingkar award tribunal perumahan dan pengurusan strata serta tidak membayar kompaun yang dikeluarkan oleh Pengawal Perumahan.

Ingin ditegaskan di sini bahawa Kementerian hanya akan mengeluarkan lesen dan permit jualan kepada pemaju yang telah memenuhi syarat-syarat

yang telah ditetapkan. Ini bertujuan untuk memastikan kepentingan rakyat yang membeli rumah-rumah yang dimajukan berkeajaan terjamin.

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**April 2015**